

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Isnin, 25 Mac 2024**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN
JANUARI 2024**

Indeks Pelopor terus bertumbuh 3.2 peratus pada Januari 2024, menjangkakan prestasi ekonomi yang lebih menggalakkan pada bulan-bulan akan datang

PUTRAJAYA, 25 Mac 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan bagi Januari 2024**. Indeks Pelopor (IP) ialah alat yang digunakan untuk meramalkan arah aliran ekonomi secara purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Perubahan tahunan IP meneruskan momentum peningkatan dengan mencatatkan pertumbuhan 3.2 peratus kepada 112.0 mata pada Januari 2024 berbanding 108.5 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya **(Paparan I)**. Peningkatan ini dipacu terutamanya oleh kenaikan kukuh dalam Bilangan Syarikat Baru Didaftarkan (38.1%) dan Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (31.4%). Merujuk kepada prestasi bulanan, IP mencatatkan 1.6 peratus pada bulan rujukan berbanding 0.3 peratus pada bulan sebelumnya berikutan prestasi yang memberangsangkan dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (0.7%)”.

Dari segi arah aliran jangka panjang terlicin pada Januari 2024, IP kekal di bawah trend 100.0 mata. Meskipun masih berada di bawah trend, lonjakan dalam prestasi IP menjangkakan pertumbuhan ekonomi yang lebih menggalakkan dalam tempoh terdekat susulan pemulihan dalam perdagangan luar **(Paparan II)**.

Berhubung keadaan ekonomi semasa, Indeks Serentak (IS) mengekalkan pertumbuhan positifnya sejak September 2021 dengan mencatatkan 124.1 mata, meningkat 3.2 peratus berbanding 120.2 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Peningkatan ini disumbangkan oleh prestasi yang baik bagi semua komponen. Prestasi bulanan IS pulih semula kepada 0.2 peratus berbanding negatif 0.2 peratus pada bulan sebelumnya, didorong oleh Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Kapasiti Penggunaan dalam Pembuatan, masing-masing menyumbang 0.3 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 MAC 2024

Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor

